

PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN PENDAFTARAN PEMBANTU HOSPITAL ESTET

Sukacita dimaklumkan bahawa setiap permohonan pendaftaran sebagai Pembantu Hospital Estet (PHE) hendaklah diisi secara on-line melalui sistem BLESS (www.bless.gov.my).

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN PENDAFTARAN PHE

Setelah permohonan online dilengkapkan anda dikehendaki mencetak borang permohonan, menurunkan tandatangan dan menghantar borang permohonan ke Lembaga Pembantu Hospital Estet (LPHE) beserta dokumen-dokumen berikut :

1. Permohonan Pendaftaran PHE Percubaan (Awam)

- i. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan.
- ii. Salinan SPM / MCE yang disahkan.
- iii. Pengesahan Pengamal Perubatan Pelawat (VMO).
- iv. Surat pengesahan dari majikan yang menyatakan tarikh berkhidmat dengan estet/ladang.
- v. Dua keping gambar berukuran passport (berpakaian kemas).
- vi. Yuran pendaftaran berjumlah RM 25.00 (Kiriman wang / Wang pos / Bank draf) atas nama Pengerusi Lembaga Pembantu Hospital Estet.

2. Permohonan Pendaftaran PHE Percubaan (Tentera)

- i. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan.
- ii. Salinan Sijil Pembantu Perubatan Tentera Kelas 1 yang disahkan.
- iii. Salinan Penyata Tempoh Perkhidmatan Tentera yang disahkan.
- iv. Pengesahan Pengamal Perubatan Tentera yang menjaga.
- v. Dua keping gambar berukuran passport (berpakaian kemas).
- vi. Yuran pendaftaran berjumlah RM 25.00 (Kiriman wang / Wang pos / Bank draf) atas nama Pengerusi Lembaga Pembantu Hospital Estet.

3. Permohonan Pendaftaran PHE mengikut Gred

- i. Salinan Surat Keputusan Peperiksaan LPHE.
- ii. Dua keping gambar berukuran passport (berpakaian kemas).
- iii. Yuran pendaftaran berjumlah RM 50.00 (Kiriman wang / Wang pos / Bank draf) atas nama Pengerusi Lembaga Pembantu Hospital Estet.

Kegagalan memenuhi atau mematuhi mana-mana perkara di atas akan menyebabkan permohonan anda tidak akan diproses.